

Headline **Rawatan gagal kurangkan risiko HIV/AIDS**
Date **29 Jan 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Kosmo 2**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **30**
Article Size **157 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,365**
PRValue **4,095**



Rawatan gagal kurangkan risiko HIV/AIDS

SEJENIS rawatan untuk virus herpes yang digunakan secara meluas tidak mampu mengurangkan risiko penyebaran HIV/AIDS.

Satu kajian ke atas sejumlah 3,400 pasangan warga Afrika (bagi setiap pasangan, salah seorang daripadanya mempunyai HIV) telah dijalankan selama lima tahun. Hasilnya, pengambilan dos ubat acyclovir sebanyak dua kali sehari didapati tidak mengurangkan kadar penyebaran virus maut itu.

Sebanyak 41 jangkitan dikesan pada pasangan walaupun mereka mengambil ubat acyclovir manakala 43 jangkitan pula berlaku ke atas pasangan yang diberi plasebo. Kira-kira 90 peratus pesakit HIV didapati mempunyai jangkitan HSV-2. - *New England Journal of Medicine*

